

08 JUL 2002

Kedah-Maju

KEDAH MENGORAK LANGKAH MENUJU STATUS NEGERI MAJU

Laporan Khas

Oleh: Abdul Halim Taib

Kuala Lumpur; -- Seperti kebanyakan negeri lain, negeri jelapang padi, Kedah, juga tidak mahu ketinggalan dalam persaingan untuk mencapai status "Negeri Maju" menjelang 2010 -- 10 tahun lebih awal daripada matlamat Wawasan 2020 negara.

Untuk itu, kerajaan negeri sedang berusaha bersungguh-sungguh menjadikan sektor perindustrian salah satu penjana utama pertumbuhan ekonomi, berpandukan satu perancangan yang dinamakan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 (PTKM 2010).

Pelan itu dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Perhimpunan Agung Umno ke 56 di Pusat Dagangan Dunia Putra 20 Jun lepas.

Strategi yang terkandung di dalam pelan itu digubal selaras dengan dasar yang digariskan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Ke 8 (RMK-8).

Bercakap pada satu sesi taklimat media di sini baru-baru ini, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, tumpuan pembangunan juga diberikan kepada industri maklumat dan komunikasi, pelancongan, pertanian, pendidikan, pembangunan sumber manusia, prasarana, pembangunan usahawan dan sosial.

Menurut beliau, sebagai sebuah negeri yang miskin, Kedah terpaksa bergerak pantas sejajar dengan peningkatan cabaran globalisasi yang menyaksikan persaingan sengit bagi mendapat pasaran dan pelaburan.

Untuk itu, usaha yang lebih agresif akan diambil untuk menarik masuk pelaburan asing dan tempatan pada kadar RM1 bilion setahun.

PERTUMBUHAN SEKTOR PERINDUSTRIAN

Antara projek penjana ekonomi yang sedang dilaksanakan ialah Projek Pembangunan Kota Perdana seluas kira-kira 3,470 hektar membabitkan kos RM10 bilion di Bukit Kayu Hitam. Ia merangkumi Zon Perindustrian dan Perdagangan Bebas ASEAN, lapangan terbang kargo, pusat komersil dan perniagaan, kawasan perumahan, institusi pengajian serta kompleks kastam dan imigresen.

Peruntukan sebanyak RM65.3 juta juga telah diluluskan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan di Kawasan Industri Berteknologi Tinggi Kulim (KHTP) Fasa 3 yang membabitkan kawasan seluas kira-kira 400 hektar.

Menurut Syed Razak, projek perindustrian lain yang turut dimajukan ialah pembangunan Kawasan Industri Gurun yang melibatkan kos RM56 juta dan Kawasan Industri Pokok Sena yang membabitkan kos RM58 juta

Beberapa projek pembangunan yang lain juga sedang dalam proses pelaksanaan termasuk Projek Kota Putra di Durian Burung, pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Setar, pembinaan pelabuhan di Kuala Kedah dan jalan susur pantai.

Bagi sektor pelancongan, Kedah akan memanfaatkan pelbagai keindahan, keistimewaan dan keunikan alam semulajadi, budaya dan kesenian rakyat untuk menarik pelancong dalam dan luar negara.

"Kedah mempunyai kekuatan tersendiri berbanding sesetengah negeri di Malaysia kerana wujudnya sistem pengangkutan yang sempurna seperti lebuh raya dan keretapi," kata Syed Razak.

PINTU MASUK UTAMA

Kedah, katanya, mempunyai kelebihan kerana ia adalah salah satu pintu masuk utama bagi pelancong asing yang datang dari negara-negara jiran di

utara Semenanjung.

PTKM 2010 mengunjurkan seramai 4.9 juta pelancong akan berkunjung ke Kedah pada tahun 2010, berdasarkan pertumbuhan 12 peratus setahun.

Sejajar dengan peningkatan itu, langkah-langkah sedang diambil bagi memperbaiki kemudahan penginapan, daripada segi kuantiti dan kualiti. Kini terdapat hanya kira-kira 8,059 bilik penginapan di seluruh negeri itu.

Ini ialah kerana umum melihat Kedah sebagai sebuah negeri yang kurang berjaya menarik pelancong kerana kurangnya tempat penginapan yang selesa.

Umpamanya, pada majlis penyampaian taklimat media itu, Ketua Pengarang Utusan Malaysia Datuk Khalid Mohamad membangkitkan kekecewaannya kerana kemudahan penginapan yang terdapat di Kedah masih tidak banyak berubah sejak 30 tahun lepas.

Syed Razak berkata, aspek sejarah juga akan ditonjolkan dalam usaha menarik pelancong, sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah negeri yang mempunyai salasilah kesultanan yang tertua di dunia bermula sejak tahun 634 Masehi lagi, berdasarkan sisa-sisa peninggalan sejarah yang terdapat di Lembah Bujang, Kota Sungai Mas, Kuala Muda dan Alor Setar.

Ia juga merupakan negeri kemasukan Islam yang pertama di rantau ini sejak tahun 1136.

ASET PELANCONGAN

Aset pelancongan yang paling berharga bagi Kedah ialah pulau peranginan bertaraf antarabangsa Langkawi.

Bagi mengekalkan daya tarikannya, pelbagai produk pelancongan akan dipertingkatkan, termasuk aktiviti berunsurkan kebudayaan serta kemudahan membeli belah bebas cukai di pulau itu.

Syed Razak juga menegaskan bahawa dalam keghairahan membangunkan sektor perindustrian dan pelancongannya, kerajaan negeri tidak akan sekali-kali mengabaikan sektor pertanian yang turut menjadi teras utama pembangunan ekonomi Kedah.

Menurutnya, pada masa ini Kedah merupakan pembekal utama iaitu kira-kira 40 peratus keperluan beras negara yang dihasilkan daripada penanaman padi seluas 144,928 hektar, termasuk 80,238 hektar di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), 15,684 hektar kawasan Skim Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS), 16,176 hektar kawasan luar JPS dan 32,830 hektar tanah terbiar.

Bagi mempertahankan rekod itu, usaha kini dijalankan bagi meningkatkan hasil padi melalui penggunaan teknologi moden, mekanisasi dan pengurusan berskala besar.

Menurut PTKM 2010, langkah-langkah telah diambil untuk membentuk mini-estet di kawasan MADA, manakala kawasan milikan kecil pula akan diusahakan dan diurus secara ladang berkelompok.

Kerajaan negeri juga telah mengambil langkah menghidupkan semula projek ternakan udang harimau di Kerpan yang pernah mencetuskan kontroversi sehingga terpaksa ditutup.

PENGELUARAN UDANG

Projek itu mampu mengeluarkan kira-kira 1,400 tan metrik udang setahun menjelang 2003. Hasilnya akan bertambah bila lebih banyak lagi kolam udang dibuka di kawasan seluas 1,000 hektar di Kuala Muda itu.

Di samping itu, pemuliharaan Halal Food Hub Paya Pahlawan pula akan meningkatkan industri penyediaan makanan secara halal negara.

Usaha kerajaan negeri dengan sektor swasta dalam melaksanakan projek penyediaan dan pembekalan makanan berasaskan daging itu telah berjaya meletakkan pusat itu sebagai pembekal utama daging negara.

Tindakan kerajaan negeri menggubal PTKM 2010 itu menampakkan kewibawaan dan kesungguhan Syed Razak mengemudi negerinya menongkah gelora untuk

menuju kemajuan dalam masa yang lebih cepat daripada yang dijangka, sambil membuktikan bahawa kerajaan Barisan Nasional tetap menunaikan janji-janji yang dibuatnya pada pilihan raya umum yang lalu.

Daripada segi politik, pembukaan semula projek ternakan udang di Kerpan dan pemulihan Halal Food Hub Paya Pahlawan menampakkan kewibawaan Syed Razak menyelesaikan kontroversi yang menyelubunginya sebelum ini.

Rakyat Kedah khususnya, menunggu dengan harapan yang memuncak untuk menyaksikan cita-cita besar Syed Razak itu tercapai.

-- Bernama

HT AM